



# PARLIAMENTARY DEBATES

## DEWAN NEGARA (SENATE)

### OFFICIAL REPORT

### FIRST SESSION OF THE SECOND PARLIAMENT OF MALAYSIA

### CONTENTS

#### ANNOUNCEMENT BY Mr PRESIDENT:

Messages from the House of Representatives [Col. 1221]

#### BUSINESS OF THE SENATE [Col. 1222]

#### BILLS:

The Muslim Courts (Criminal Jurisdiction) Bill [Col. 1223]

The Penal Code (Amendment) Bill [Col. 1245]

The Criminal Procedure Code (Singapore) (Amendment) Bill [Col. 1252]

The Reprint of Federal Laws Bill [Col. 1253]

The Pioneer Industries (Relief from Tax) (Variation) Bill [Col. 1255]

The Finance (Estate Duty) Bill [Col. 1261]

∞ The Supplementary Supply (1964) Bill [Col. 1266]

The Loan (Local) (Amendment and Extension) Bill [Col. 1274]

The External Loans (Singapore Government Bodies Corporate) Bill [Col. 1280]

#### ADJOURNMENT *SINE DIE* [Col. 1284]

#### UCHAPAN PENANGGOHAN [Col. 1284]

#### WRITTEN ANSWERS TO QUESTIONS [Col. 1295]

MALAYSIA  
**DEWAN NEGARA (SENATE)**  
*Official Report*

Vol. I

First Session of the Second Dewan Negara

No. 10

*Tuesday, 9th March, 1965*

*The Senate met at Ten o'clock a.m.*

PRESENT:

- The Honourable Mr President, DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMED YASIN, S.P.M.J., P.I.S., J.P. (Johore).
- „ ENCHE' A. ARUNASALAM, A.M.N. (Appointed).
- „ ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN AHMAD (Perlis).
- „ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Appointed).
- „ ENCHE' ABDUL WAHAB BIN IDUS, P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N. (Penang).
- „ ENCHE' AHMAD BIN HAJI TAFF (Singapore).
- „ CHE' AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Appointed).
- „ ENCHE' AMALUDDIN BIN DARUS (Kelantan).
- „ DATU JOSEPH AUGUSTINE ANGIAN ANDULAG, P.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' AWANG DAUD MATUSIN (Appointed).
- „ ENCHE' CHAN KWONG-HON, A.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ ENCHE' CHEAH SENG KHIM, J.P. (Penang).
- „ DATO' DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Appointed).
- „ ENCHE' CHOO KOK LEONG (Appointed).
- „ DATO' J. E. S. CRAWFORD, J.M.N., J.P., Dato' Kurnia Indera (Appointed).
- „ ENCHE' D. S. DORAI RAJ, A.M.N., P.J.K. (Appointed).
- „ DATO' FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Appointed).
- „ ENCHE' GAN TECK YEOW, J.M.N. (Appointed).
- „ ENCHE' HOH CHEE CHEONG, A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ ENCHE' HONG TECK GUAN (Appointed).
- „ ENCHE' C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Appointed).
- „ ENCHE' ANDREW JIKA LANDAU (Appointed).
- „ ENCHE' KHOO TECK PUAT (Appointed).
- „ ENCHE' KO TECK KIN (Singapore).
- „ ENCHE' KOH KIM LENG (Malacca).
- „ DATO' LEE FOONG YEE, J.M.N., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATO' Y. T. LEE, D.P.M.S., J.M.N., P.J.K., J.P. (Appointed).
- „ ENCHE' LIM HEE HONG, A.M.N. (Appointed).
- „ ENCHE' MOHAMAD ADIB BIN OMAR (Trengganu).

- The Honourable DATU PENGIRAN MOHAMED DIGADONG GALPAM, P.D.K. (Sabah).
- „ DATO' HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR, P.M.N., S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P. (Appointed).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAID BIN HAJI ABU BAKAR (Appointed).
- „ ENCHE' MOHAMED SALLEH BIN MOHAMED ARIFF (Malacca).
- „ ENCHE' ATHI NAHAPPAN (Appointed).
- „ ENCHE' S. P. S. NATHAN (Appointed).
- „ NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N. (Appointed).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Appointed).
- „ ENCHE' SAIDON BIN KECHUT, A.M.N. (Appointed).
- „ DATO' SHEIKH ABU BAKAR BIN YAHYA, D.P.M.J., P.I.S., J.P. (Johore).
- „ DATO' G. SHELLEY, P.M.N., J.P. (Appointed).
- „ TUAN SYED AHMAD BIN SYED MAHMUD SHAHABUDIN, J.M.N. (Kedah).
- „ ENCHE' WILLIAM TAN (Appointed).
- „ DATO' T. H. TAN, P.M.N. (Appointed).
- „ DATO' TEH SIEW ENG, D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Appointed).
- „ DATO' E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Appointed).
- „ ENCHE' S. O. K. UBaidULLA, J.M.N. (Appointed).
- „ WAN AHMAD BIN WAN DAUD, J.M.N., P.J.K., J.P. (Perlis).
- „ DATO' WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Kedah).
- „ ENCHE' YAHYA BIN HAJI AHMAD (Perak).
- „ ENCHE' YEOH KIAN TEIK (Perak).

#### ABSENT:

- The Honourable the Minister without Portfolio, DATO' ONG YOKE LIN, P.M.N. (Appointed).
- „ CHE' BIBI AISHA BINTI HAMID DON, A.M.N. (Appointed).
- „ DATU TUANKU BUJANG BIN TUANKU HAJI OTHMAN (Sarawak).
- „ ENCHE' DA ABDUL JALIL BIN HAJI AWANG (Trengganu).
- „ TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU (Sarawak).
- „ RAJA RASTAM SHAHROME BIN RAJA SAID TAUPHY (Selangor).

#### IN ATTENDANCE:

- The Honourable the Minister of Home Affairs and Minister of Justice, DATO' DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johor Timor).
- „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka Tengah).
- „ the Minister of Transport, DATO' HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).

The Honourable the Minister of Health, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).

„ the Minister of Labour, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).

„ the Minister of Lands and Mines, ENCHE' ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).

„ the Assistant Minister of Commerce and Industry, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).

## PRAYERS

(Mr President *in the Chair*)

## ANNOUNCEMENT BY MR PRESIDENT

### MESSAGE FROM THE HOUSE OF REPRESENTATIVES

**Mr President:** Yang Berhormat Ahli<sup>2</sup> Dewan Negara, saya suka hendak memberitahu Majlis ini bahawa saya telah menerima satu keputusan daripada Majlis Dewan Ra'ayat. Sekarang saya jemput Setia-usaha Majlis membicarakan keputusan itu.

(*The Clerk reads the Message*)

“Mr President,

The House of Representatives has passed the following Bills—

- (1) to confer the jurisdiction upon Courts constituted under any State law for the purpose of dealing with offences under Muslim law;
- (2) to amend the Penal Code;
- (3) to amend the Criminal Procedure Code of Singapore;
- (4) to provide for the reprinting of certain federal legislation and for matters connected therewith and incidental thereto;
- (5) to vary the laws in force in Malaysia relating to Pioneer Industries;
- (6) to vary the laws in force in Malaysia relating to Estate Duty;
- (7) to apply sums out of the Consolidated Fund for additional expenditure for the

service of the year 1964 and to appropriate such sums for certain purposes;

(8) to amend and extend the Loan (Local) Ordinance, 1959;

(9) to authorise the Government of the Federation to guarantee any loan raised by the Government of the State of Singapore or by certain bodies corporate and to provide for matters connected therewith;

and transmits them to the Senate for its concurrence.

(Sgd.) C. M. YUSUF,  
*Speaker.*”

## BUSINESS OF THE SENATE

**Dato' T. H. Tan:** Mr President, Sir, I beg to give notice that I will move the second and third readings of the following Bills at this meeting of the Senate:

- (1) The Muslim Courts (Criminal Jurisdiction) Bill.
- (2) The Pioneer Industries (Relief from Tax) (Variation) Bill.
- (3) The Finance (Estate Duty) Bill.
- (4) The Supplementary Supply (1964) Bill.
- (5) The Loan (Local) (Amendment and Extension) Bill.
- (6) The External Loans (Singapore Government Bodies Corporate) Bill.

**Mr President:** So be it!

**Enche' Athi Nahappan:** Mr President, Sir, I beg to give notice that I will move the second and third readings of

the following Bills at this meeting of the Senate:

- (1) The Penal Code (Amendment) Bill.
- (2) The Criminal Procedure Code (Singapore) (Amendment) Bill.
- (3) The Reprint of Federal Laws Bill.

**Mr President:** Saya suka mengambil peluang mengingatkan Yang Berhormat Ahli<sup>2</sup> Dewan Negara bahawa menurut syarat Peratoran Meshuarat 53 (2) sa-telah Rang Undang<sup>2</sup> Perbekalan Tambahan tahun 1964 di-bachakan kali kedua, maka Rang Undang<sup>2</sup> itu hendak-lah di-bachakan kali ketiga dengan serta-merta dengan tidak payah di-timbangkan dalam peringkat Jawatan-kuasa.

## BILLS

### THE MUSLIM COURTS (CRIMINAL JURISDICTION) BILL, 1965

#### Second Reading

**Dato' T. H. Tan:** Mr President, Sir, I beg to move that a Bill intituled "an Act to confer the jurisdiction upon Courts constituted under any State law for the purpose of dealing with offences under Muslim law" be read a second time.

**Dato' Y. T. Lee:** Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong.

**The Minister of Lands and Mines (Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub):** Mr President, Sir, I would like to explain this Bill. Various Enactments passed during the last few years have set up Muslim courts for the purpose of, amongst other things, trying persons professing the Muslim or the Islamic faith for certain offences against the Islamic law included in section 1 of List II in the Ninth Schedule to the Constitution of Malaysia. In respect of all these offences mentioned in these Enactments various punishments have been prescribed by the State legislations. That part of paragraph 1 of the State List which empowers States to legislate on matters to which I have referred reads as follows:

"The constitutional organisation and procedure of Muslim courts shall have jurisdiction only over persons professing the Muslim

religion and in respect only of any of the matters included in this paragraph but shall not have jurisdiction in respect of offences except in so far as conferred by Federal laws."

This Bill, therefore, seeks to confer on such courts jurisdiction they would not otherwise have to try offences punishable with a fine not exceeding \$1,000 or with imprisonment for a term not exceeding six months or with both fine and imprisonment.

Mr Persident, Sir, Clause 3 of the Bill seeks to validate the exercise of jurisdiction by these courts in the past in respect of offences already mentioned.

This Bill, Mr President, Sir, has nothing to do with the question of Muslim marriages, Muslim property law, whether a person is allowed to have more than one wife—two wives three wives or four wives—whether or not *Harta Pencharian* should be divided equally when a husband divorces his wife, because under the provisions I have already mentioned such matters are within the powers, within the jurisdiction, of each State Legislature.

The only purpose of this Bill is to give jurisdiction to the Muslim courts created by the State Legislature to try offences which the State Legislature by laws passed by it have already created. That is the only purpose of this legislation.

There were some misunderstandings in the Dewan Ra'ayat when this Bill was debated last time, and I would like to clarify that in order to avoid any misunderstanding as to the purpose of that Bill.

**Dato' Sheikh Abu Bakar bin Yahya:** Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya bangun mengambil kesempatan menyokong Rang Undang<sup>2</sup> ini yang di-kemukakan oleh Menteri Yang Berhormat sa-bentar tadi. Juga saya mengaku-lah Undang<sup>2</sup> ini sa-baik<sup>2</sup> Undang<sup>2</sup> yang akan memberi kuasa kepada Mahkamah Shara'iah. Tetapi saya suka mengeluarkan suatu pertanyaan berkenaan dengan "explanatory statement" dalam Bill ini. Saya beri satu mithalan kapada Dato' ia-lah

berkenaan dengan soal yang saya akan kemukakan ini ia-itu seperti masaalah ya'ani sa-orang isteri menyaman sa-orang suami kerana nafkah, di-hadapan Mahkamah Shara'iah. Keputusan-nya atau pun decree yang di-keluarkan oleh Mahkamah Shara'iah itu mestilah di-hantarkan kepada Mahkamah Magistrate supaya di-jalankan tindakan di-atas suami itu. Maka pada lazim-nya decree atau pun keputusan yang di-hantar ka-Mahkamah Magistrate, Mahkamah Magistrate-lah yang akan mengambil tindakan seperti yang di-katakan dalam law—judgment debtor summons, judgment debtor notices atau pun execution on the property. Tetapi seperti yang telah di-sebutkan oleh Menteri yang berkenaan tadi kata-nya ini ada-lah perkara State. Jika demikian saya mengambil kesempatan di-sini Mahkamah Shara'iah itu seperti yang telah di-katakan di-dalam Dewan Ra'ayat sedikit hari dahulu ia-itu seperti "harimau tidak ada berkuku".

Jadi saya fikir, saya minta-lah kepada Menteri yang berkenaan supaya di-perbuatkan satu Undang<sup>2</sup> supaya Mahkamah Shara'iah itu ada kuat-kuasa-nya mengambil tindakan di-atas mereka yang tidak hendak menurut keputusan-nya. Ini, seperti yang di-katakan oleh Yang Berhormat tadi ia-lah berkenaan dengan criminal jurisdiction dan tidak ada kenamengena dengan civil. Tetapi, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kebanyakan perkara yang telah di-bahathkan atau pun di-bicarakan oleh Mahkamah Shara'iah itu ia-lah civil. Jika sa-kira-nya Federal tidak mengadakan satu Undang<sup>2</sup> berkenaan dengan civil, betapa-kah jadi hal mereka<sup>2</sup> yang mendapat keputusan Mahkamah Shara'iah dengan tidak mendapat satu pun di-jalankan tindakan di-atas suami itu. Sekian-lah Yang Berhormat Dato'.

**Enche' Amaluddin bin Darus:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bill yang di-kemukakan ini atas dasar yang Kerajaan Persekutuan telah bersedia untuk memberi kuasa yang lebih kepada Mahkamah Shara'iah untuk menghukum sampai denda yang lebih tinggi daripada yang biasa. Sudah sa-

patut-nya-lah kuasa ini di-beri, bukan sahaja sekarang tetapi semenjak dahulu lagi, kerana mengikut Perlembagaan, dengan tidak ada sa-barang kuasa yang di-beri oleh Kerajaan Persekutuan, sudah tentu-lah Pejabat<sup>2</sup> Ugama atau Mahkamah<sup>2</sup> Shara'iah tidak akan dapat berbuat apa<sup>2</sup> yang berkesan bagi menjalankan tindakan mengawal dan melicinkan perjalanan ugama dalam negeri ini.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, sungoh pun kita sedar bahawa sa-nya sekarang Kerajaan mengemukakan Bill atau bakal Undang<sup>2</sup> supaya Dewan ini mengesahkan bagi memberi kuasa yang lebih kepada Mahkamah<sup>2</sup> Shara'iah menjatuhkan hukuman dan denda, tetapi tentu-lah menjadi satu keraguan kepada kita dalam membahathkan Bill ini. Sebab, apabila sahabat saya dari Johor, Yang Berhormat Dato' Sheikh Abu Bakar, bangun berchakap chara memberi fikiran, tentu-lah berdasarkan kejohoran-nya. Beliau mengatakan kuasa daripada Mahkamah Shara'iah itu mesti di-ligatkan pula kepada Mahkamah 'Adat untuk menjalankan hukuman dengan kuat-kuasa yang penuh yang boleh jadi seperti itu tidak berlaku di-Kelantan. Kalau saya pula mengulas kemudian mungkin Senator daripada Kedah, Perlis atau dari beberapa buah negeri lagi chuba mengulas, maka gamat-lah Dewan ini dengan perchakapan soal<sup>2</sup> satu sama lain bersimpang-sior.

Saya rasa sudah-lah sampai masa-nya bagi Kerajaan memikirkan dengan teliti dan mengambil satu tindakan yang tegas bagi menyamakan pentadbiran ugama di-seluruh negara kita di-bawah satu Command, di-bawah satu jabatan yang agong, dan apa salah-nya kira-nya kita meletakkan sa-orang sa-bagai Mufti Agong Malaysia bagi menyamakan susunan semua-nya di-dalam tadbiran dan perundangan di-dalam negara Malaysia ini. Ini kalau kita buat menandakan kehormatan yang lebih kepada ugama sesuai dengan apa yang kita rakamkan dalam Perlembagaan yang mengatakan Islam sa-bagai ugama rasmi negara.

Sekarang sa-kali pun di-akuī State atau Negeri<sup>2</sup> yang mempunyai kuasa dalam ugama di-bawah Sultan<sup>2</sup> dan

Sultan<sup>2</sup> boleh membuat Undang<sup>2</sup> melalui Dewan Negeri, akan tetapi di dalam Perlembagaan juga menyatakan, tidak ada sa-barang Undang<sup>2</sup> yang dapat di-lakukan jika bertentangan dengan kehendak<sup>2</sup> Perlembagaan Persekutuan. Yang demikian sa-suatu tidak dapat di-lakukan bagi maksud<sup>2</sup> yang lebih baik daripada yang sudah ada jika perbuatan itu bertentangan dengan kehendak atau fasal<sup>2</sup> di dalam Perlembagaan Persekutuan. Maka inilah sebab-nya saya mendapat satu jalan dan saya percaya Dewan ini berpendapat dengan saya jalan yang baik bagi mengatasi masalah ini ia-lah kita mempunyai satu pentadbiran yang sama (uniformity) dan mempunyai sa-orang Mufti Agong atau Mufti Besar bagi Malaysia yang akan menjalankan tugas-nya di-seluruh Persekutuan Malaysia ini. Saya rasa, kalau Kerajaan dapat menimbangkan ini, kita boleh advance, kita boleh maju kahadapan meninggalkan kedudukan taraf Islam di dalam negeri ini sa-bagai agama rasmi dengan meletakkan taraf Mufti Agong seperti Attorney-General dan kita meletakkan kedudukan hakim<sup>2</sup> dalam Islam sa-bagai Kadzi yang kita kenal "Dato' Kadzi" sekarang ini sa-bagai hakim<sup>2</sup> biasa dengan taraf kedudukan dan pembayaran gaji-nya sama seperti yang di-bayar kepada hakim<sup>2</sup> yang lain.

Alang-kah ganjil-nya sa-suatu yang di-pandang tinggi dari segi Perlembagaan—Islam sa-bagai agama rasmi—tetapi orang yang menjalankan tugas agama di-bayar lebih rendah. Barangkali saya boleh memberikan satu contoh yang paling dekat dari sudut peruntukan kepada agama, sa-bagai mana yang berlaku dalam negeri Thai—jiran kita yang paling hampir sa-kali di-utara—Sami<sup>2</sup> Budha yang berpakaian kuning mendapat priority (keutamaan) bila menaiki keretapi. Itu yang saya tahu, dia dapat membeli tiket sa-paroh harga dan duduk dalam second class dan tiap<sup>2</sup> mereka itu duduk second class dalam keretapi di-seluruh negeri Thai. Jadi, ini satu priority, satu keutamaan, di-beri atas dasar Budha sa-bagai agama rasmi dalam negeri Thai dan Islam apabila sudah di-jadikan agama rasmi dalam negara Malaysia, saya tidak nampak

satu pun yang telah kita lakukan, bagi membuktikan perasmian-nya itu dalam erti kata yang sa-benar-nya.

Yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya minta-lah supaya Kerajaan menimbangkan tentang meletakkan taraf Kadzi<sup>2</sup> itu sama seperti Hakim<sup>2</sup> Islam yang sama taraf-nya dengan hakim<sup>2</sup> yang lain di dalam negara Malaysia kita ini dan, kalau perlu, kita boleh mengadakan pembicharaan disemua Mahkamah yang sama di-satu bangunan, chuma case-nya sahaja berbeza. Hakim mendapat gaji yang sama, taraf-nya sama, chuma chara hakim itu membicharkan soal ini—hakim ini membicharkan soal ini—tetapi kedudukan-nya, taraf-nya dan pandangan-nya semua sama.

Tuan Yang di-Pertua, sa-kira-nya kita mengekalkan keadaan yang seperti sekarang ini, tentu-lah sangat memalukan, sa-kali pun mempunyai kuasa. Kalau ta' salah ingatan saya di-Kelantan, Mahkamah Shara'iah mempunyai kuat-kuasa mengikut undang<sup>2</sup> yang ada di-Kelantan. Mahkamah Shara'iah boleh menghukum orang<sup>2</sup> yang melakukan kesalahan khalwat, seperti yang berlaku di-seluruh negeri dalam negeri<sup>2</sup> kita—tidak ada hukuman zina yang boleh di-bicharkan; yang ada ia-lah hukum khalwat. Mahkamah Shara'iah boleh menghukum orang<sup>2</sup> yang berkhawat—laki<sup>2</sup> dan perempuan—andai kata yang perempuan itu Muslim, Mahkamah Shara'iah boleh meletakkan hukuman, dan sa-kira-nya laki<sup>2</sup> itu bukan Muslim, Mahkamah Shara'iah boleh meminta supaya di-hukum di-Mahkamah 'Adat dan ini telah pun pernah di-jalankan di dalam negeri Kelantan, apabila sa-orang perempuan dan sa-orang laki<sup>2</sup> yang bukan Muslim—perempuan itu Muslim laki<sup>2</sup> itu bukan Muslim—telah di-hukum, perempuan di-hukum dalam Mahkamah Shara'iah dan laki<sup>2</sup> telah minta di-hukum di-Mahkamah 'Adat \$25 fine. Sa-telah berita ini tersiar di dalam akhbar, maka Kerajaan Persekutuan, melalui Kementerian Kehakiman, telah meminta supaya di-refund—di-kembalikan wang pembayaran denda itu. Jadi, apa yang telah di-lakukan di-Kelantan itu berdasarkan

kapada kuasa<sup>2</sup> yang ada pada Mahkamah Shara'iah yang boleh menghukum, tetapi hukuman kapada orang yang bukan Muslim itu di-delegate-kan kapada Mahkamah 'Adat, tetapi ini boleh di-batalkan. Jadi, bagi saya, kalau undang<sup>2</sup> yang sa-macham ini, memang-lah satu undang<sup>2</sup> yang memalukan kapada kita semua di-dalam negara kita ini dan kapada umat Islam khusus-nya. Maka sebab itu-lah, saya kata Kerajaan harus memikirkan lebeh dalam lagi dalam soal menyamakan pentadbiran, menegakkan kedudukan yang lebeh baik—Islam dari kacha mata ugama rasmi dan juga beberapa hukum<sup>2</sup>-nya yang berlaku yang tidak sa-pantas di-lakukan terhadap orang<sup>2</sup> Islam sahaja, patut-lah di-timbangkan dari sudut keseluruhan-nya.

Saya rasa tidak tepat, kalau hukuman khalwat hendak di-benarkan terus berjalan untok orang Islam, pada hal kita boleh membuat satu hukuman yang lebeh baik bagi negara, bagi jaminan social, bagi jaminan moral, bagi kita seluruh warganegara dalam Malaysia ini untok dunia melihat-nya dengan mengadakan Anti-Vice Ordinance—Undang<sup>2</sup> Menchegah Ma'siat—daripada kita membiarkan ada-nya orang khalwat yang kena sa-belah, sa-belah ta' kena, menjadi bahan ejek<sup>2</sup>an dan yang malu itu ia-lah kita sendiri. Saya rasa pun tidak senang hendak berchakap dalam Dewan ini, erti-nya kalau ludah ka-langit timpa ka-batang hidung sendiri—kata pepatah orang Melayu. Tetapi saya minta Kerajaan sedar, kalau betul<sup>2</sup> Kerajaan kita itu dengan penoh hati meletakkan Islam sa-bagai ugama rasmi, maka chuba-lah ikhtiarkan meletakkan dia itu ka-tempat yang sesuai. Sekian, terima kaseh.

**Dato' Haji Mohamed Noah bin Omar:** Dato' Yang di-Pertua, nampak-nya sungguh pun Menteri yang berkenaan telah berchakap, ia-itu Rang Undang<sup>2</sup> ini tidak berkait dengan masaalah khalwat dan masaalah<sup>2</sup> yang lain, tetapi ada juga Ahli Yang Berhormat yang menyentoh perkara<sup>2</sup> itu. Saya tidak-lah hendak berchakap berkenaan dengan khalwat di-dalam Rumah yang berbahagia ini, tetapi saya ada satu kemushkilan atas Rang

Undang<sup>2</sup> yang di-bawa oleh Menteri yang berkenaan. Di-dalam kenyataan-nya memberikan sebab<sup>2</sup> di-adakan Rang Undang<sup>2</sup> ini, dalam bahasa orang puteh-nya di-dalam Explanatory Statement ada menyebutkan pada akhir-nya, kata-nya :

Clause 3 validates all prosecutions which may have been instituted before Muslim courts prior to the commencement of Clause 2.

Pada pendapat saya, tentu-lah banyak perkara<sup>2</sup> yang telah di-bawa dalam Mahkamah Shara'iah yang sudah salah. Rasa-nya bukan berbulan<sup>2</sup>, tetapi boleh jadi bertahun<sup>2</sup> dari semenjak kita mendapat kemerdekaan.

Kemushkilan saya ini kenapa baharu hari ini Kerajaan Persekutuan sedar yang kuasa itu ta' ada—baharu hari ini hendak di-adakan Rang Undang<sup>2</sup>? Ini yang menjadi kemushkilan saya yang rasa saya patut mendapat jawapan yang tepat daripada Menteri ini. Boleh jadi beribu<sup>2</sup> perkara yang telah di-jalankan oleh Mahkamah Shara'iah yang salah, kalau kita bacha Clause 2 dalam List II State List dalam Schedule Ninth Federal Constitution. Patut-lah perkara yang sa-macham ini di-betulkan dahulu<sup>2</sup>, tidak-lah baharu hari ini sedar. Saya tahu, barangkali Menteri ini tidak sedar, kerana dia baharu, tetapi kita ada Pejabat Undang<sup>2</sup>, atau Attorney-General dari satu masa ka-satu masa yang patut sedar di-mana undang<sup>2</sup> kita yang salah, di-betulkan siang<sup>2</sup>—jangan sudah menjadi bertahun<sup>2</sup> telah berjalan, baharu hari ini hendak di-betulkan.

**Enche' S. O. K. Ubaidulla:** Mr President, Sir, after a very lengthy debate in the House of Representatives and the suitable reply given by the Minister concerned, I did not think my friend, Honourable Enche' Amaluddin, would harp again on those points. Sir, since he has mentioned all those points again, I should think it is appropriate for me to remove some of the misconceptions that non-Muslims would have formed about Islam. Islam, like any other religion, is very tolerant. All its rules are meant for the followers of Islam only. If any religion has such rules that go to the extent of punishing non-religionists, it should be condemned. The Muslim law essentially strives to curb Muslims from committing an offence.



When a Muslim refrains from committing an offence, the question of a non-Muslim collaborating would not arise. This explanation is quite sufficient in this juncture. So, Sir, I would earnestly request our friend from the other side to conserve his energy and enthusiasm in persuading Muslims from committing offences that bring such ill-fame to them.

**Enche' Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, untuk penerangan kepada Dewan ini, saya suka hendak jelaskan dalam perkara undang<sup>2</sup> ini, ia-itu Ahli Yang Berhormat dari Kelantan tadi ada menyatakan di-Kelantan undang<sup>2</sup>-nya apabila sa-orang berkhawat apabila di-hukum oleh Mahkamah Shara'iah bagi pehak orang yang bukan Islam itu di-minta oleh Mahkamah itu supaya di-hukum di-Mahkamah 'Adat. Jadi yang sa-benar-nya saya rasa Ahli Yang Berhormat itu keliru sedikit. Yang sa-benar-nya mengikut undang<sup>2</sup> ini, saya sendiri, masa undang<sup>2</sup> itu dibuat, waktu itu saya jadi Ahli State Council di-Kelantan dan saya menjadi ahli jawatan-kuasa yang menyusun undang<sup>2</sup> itu di-bentok oleh Kerajaan Kelantan pada masa itu. Pada masa itu memang-lah Kerajaan Kelantan berkehendakkan supaya menghukum orang yang bukan Islam yang melakukan kesalahan di-bawah undang<sup>2</sup> itu, tetapi saya ingat lagi waktu itu Pesuruhjaya Tinggi, Sir Henry Gurney memberi jawapan dengan bertulis kepada Kerajaan Kelantan yang dia tidak sanggup menyain bersetuju dengan keputusan Kerajaan Kelantan itu. Ma'ana-nya, undang<sup>2</sup> itu tidak boleh berjalan di-Kelantan sa-kira-nya waktu itu Sir Henry Gurney yang menjadi Pesuruhjaya Tinggi tidak menyain undang<sup>2</sup> itu, sebab satu<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> yang di-buat oleh satu<sup>2</sup> negeri itu hendak-lah di-tandatangani oleh Pesuruhjaya Tinggi bersama dengan Sultan dalam negeri itu. Kalau Sultan sahaja yang menyain-nya, tetapi Pesuruhjaya tidak sain, undang<sup>2</sup> itu tidak boleh berjalan dalam negeri itu. Jadi apa yang berlaku di-Kelantan yang sa-benar-nya ia-lah di-hantar orang yang bukan Islam itu kepada Mahkamah 'Adat dan Mahkamah 'Adat

membuat pendawaan bukan di-bawah Undang<sup>2</sup> Mahkamah Shara'iah, tetapi di-bawah Undang<sup>2</sup> Mahkamah 'Adat, yang menyatakan orang itu telah melakukan satu kesalahan yang merosakkan Undang<sup>2</sup> Kerajaan, bukan berthabit dengan khalwat. Itu-lah yang boleh mengelirukan siapa<sup>2</sup> juga orang bukan Islam yang menyatakan orang bukan Islam bila berkhawat boleh di-hukum sama, bukan di-hukum dengan kerana berkhawat, tetapi di-hukum kerana merosakkan Undang<sup>2</sup> Kerajaan. Jadi kalau Ahli Yang Berhormat itu bawa perkara itu dalam Dewan ini saya takut jadi keliru orang yang bukan Islam di-hukum juga di-Kelantan. Yang sa-benar-nya, tidak begitu. Jadi, itu sahaja bagi penerangan Ahli<sup>2</sup> Dewan ini.

**Enche' Wan Ahmad bin Wan Daud:** Tuan Yang di-Pertua, undang<sup>2</sup> yang bersangkutan dengan ugama Islam ini saya tahu di-dalam Malaysia kita ini tiap<sup>2</sup> negeri tidak banyak perkara<sup>2</sup> yang tidak bersamaan. Sementara ini saya menyokong Bill ini, tetapi saya minta Kerajaan berfikir ka-hadapan lagi boleh-kah kita buat undang<sup>2</sup> hendak mengawal orang<sup>2</sup> yang beragama Islam ini di-atas apa<sup>2</sup> kesalahan sa-kali pun beri sama sahaja dan jangan berlainan dengan sebab Islam ini tentulah tiap<sup>2</sup> sa-orang Islam kita tahu mengatakan Islam itu satu sahaja 'itikad-nya, hukum-nya seluroh dunia kita ini, ia-itu ada di-dalam kitab Allah yang orang Islam kata Alquran. Tuhan berfirman: (dalam bahasa, Arab . . .) Maksud-nya, Tuhan berfirman kepada orang yang beriman kepada Islam, ikut-lah kamu apa<sup>2</sup> yang Tuhan kamu telah turunkan kepada kamu. Tidak ada lain yang Tuhan turunkan kepada manusia di-dalam dunia ini melainkan wahi<sup>2</sup> di-dalam kitab yang di-namakan Quran itu dan jangan kamu ikut ketua<sup>2</sup> yang lain. Jadi ini-lah pendapat saya.

Di-dalam Perlis umpama-nya, sa-saorang tidak boleh bercherai jika tidak dengan kebenaran Kadhi. Ada sa-tengah<sup>2</sup> negeri sa-saorang laki<sup>2</sup> tidak boleh berkahwin lebeh daripada sa-orang jika tidak dengan izin isteri yang pertama. Isteri yang pertama yang

hendak izinkan itu kita ma'alum-lah dalam 100 orang itu satu, tetapi saya perchaya jika suami-nya beri sebab<sup>2</sup> yang baik harus dia benarkan suami-nya berkahwin. Jadi, fasal hukum yang bersangkutan dengan Islam itu saya harap beri-lah kuasa dengan chukup kapada Mahkamah Shara'iah supaya hukum dan decree-nya boleh berjalan terus dan tidak payah ubah kapada Mahkamah 'Adat lagi. Saya fikir hendak-lah Kerajaan, jika boleh pada satu masa bermuafakat dengan sakalian Duli<sup>2</sup> Yang Maha Mulia Raja<sup>2</sup> di-tiap<sup>2</sup> negeri dan Mufti<sup>2</sup> membuat undang<sup>2</sup> kesemua negeri di-dalam Malaysia ini sa-rupa sahaja di-dalam tiap<sup>2</sup> perkara. Ini-lah sahaja pendapat saya.

**Enche' Ahmad bin Haji Taff:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Undang<sup>2</sup> yang ada di-hadapan kita ini dan saya suka menambah dan berharap bahawa oleh sebab Kementerian Kehakiman juga meliputi kawasan<sup>2</sup> seluruh Malaysia termasuk Singapura, Sarawak dan Sabah, saya berasa sudah sa-patut-nya pada ketika ini Kementerian ini juga memikirkan perkara<sup>2</sup> dan kejadian<sup>2</sup> di-dalam negeri<sup>2</sup> yang baharu ini.

Sa-bagaimana kita ketahui, di-Singapura ada satu Mahkamah Shara'iah yang menjalankan perkara<sup>2</sup> berhubung dengan agama Islam dan dengan timbul-nya undang<sup>2</sup> yang kita hadapi sekarang ini kerana hendak menyatukan atau pun hendak di-samakan undang<sup>2</sup> yang timbul-nya kerana ada yang bersendirian di-negeri<sup>2</sup>, supaya kelak tersusun dan sa-bagai-nya, maka sudah sa-patut-nya Kementerian Kehakiman Malaysia juga mengambil perhatian supaya dapat kelak, dalam masa yang sa-berapa singkat, mengambil alih kuasa<sup>2</sup> yang tertentu yang ada di-Mahkamah Shara'iah seperti di-Singapura, kerana kalau kita ingat di-dalam Perlembagaan Malaysia kita pun, Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong juga sa-bagai Ketua Ugama di-negeri Singapura. Saya rasa sambil menyokong Bill yang di-hadapan kita ini saya juga berharap akan perhatian daripada Kementerian terhadap perkara<sup>2</sup> yang berhubung dengan agama

Islam di-Pulau Singapura. Terima kaseh.

**Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah:** Dato' Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang<sup>2</sup> ini, chuma sa-berapa rengkas atas perkara yang berkaitan dengan Mahkamah Shara'iah yang telah di-beri kuasa pada hari ini untuk menjalankan apa yang berkaitan dengan Jadual Yang ke-9. Saya juga berasa lemas mengenai kedudukan kuasa<sup>2</sup> Mahkamah dalam perkara yang berkaitan dengan hukuman<sup>2</sup> di-katakan berkaitan dengan jenayah—ada berbedza. Sa-rupa juga saya berchakap ini, dengan tulus ikhlas, kerana berkehendakkan kebaikan. Perkara yang berkaitan yang di-katakan dalam perkara perkembangan ugama Islam dan keperchayaan di-kalangan orang<sup>2</sup> Islam, kalau tidak silap saya, perkara ini di-mana<sup>2</sup> Mahkamah pun, tidak tahu-lah, tetapi di-negeri Pulau Pinang dalam Undang<sup>2</sup>-nya ada. Ilmu<sup>2</sup> salah yang berchanggah banyak dengan kedudukan pengajaran yang sa-benar dalam Islam.

Sa-bagaimana yang kita tahu di-negeri Pulau Pinang ada satu puak ia-itu puak matahari. Ada di-negeri<sup>2</sup> lain yang berfahaman bidadari tujuh, Kadiani dan bermacam<sup>2</sup> aneka rupa perkara<sup>2</sup> ilmu salah yang berchanggah dan berlawan jauh sangat dengan kehendak<sup>2</sup> di-dalam Islam, khas-nya lebeh<sup>2</sup> lagi ia-lah perkara yang berkaitan dengan selok belok meratib dalam kelambu. Kalau hendak belajar atau hendak mengambil ijazah pula terpaksa isteri itu turun daripada rumah sa-belum naik matahari, pergi ka-rumah tuan guru-nya dengan membawa kelambu dan tikar bantal siap, yang ini semua tidak boleh buat apa. Pada hal perkara yang berkaitan dengan Undang<sup>2</sup> yang saya tahu di-negeri Pulau Pinang, dia boleh mendenda sampai—kalau tidak silap saya dalam Undang<sup>2</sup> itu—sampai sa-ribu ringgit lebeh. Jadi perkara ini tinggal macham itu juga. Bukan di-negeri Pulau Pinang sahaja, di-tempat lain pun ada, di-negeri lain pun ada. Pada hal perkara<sup>2</sup> ini payah; saya tidak hendak mengembali balek perkara<sup>2</sup> yang berkaitan dengan kedudukan pengajaran dalam Islam,

sebab perkara ini sudah lama same-mang di-ketahui oleh pehak<sup>2</sup> yang suka memporak-purandakan dalam perkara pengajaran agama Islam ini sa-belum daripada Tanah Melayu ini merdeka dan dahulu daripada ini—bertahun<sup>2</sup> di-ketahui dan di-fahami sa-buah negara yang benar<sup>2</sup> memegang dan mengikuti fahaman<sup>2</sup> dalam agama Islam macham Tanah Melayu ini. Jadi bagaimana-kah chara untuk memporak purandakan supaya jangan mereka sa-haluan dan sa-fahaman, maka itu-lah terbit bermacam<sup>2</sup>, sa-hingga terbitnya pengajaran Kadiani yang tumbohnya dari India, itu-lah satu daripada jarum yang paling tajam datang daripada pehak penjajah, sudah lama perkara ini bukan baharu tidak dapat di-chegah.

Bagitu juga perkara<sup>2</sup> yang berkaitan dengan hal-ehwal jenayah. Saya juga berasa, sa-patut-nya perkara<sup>2</sup> kalau salah di-dalam Islam, kalau sa-kira-nya orang yang bukan bersamaan juga dalam perkara kesalahan itu, mesti di-hukum dalam Mahkamah Shara'iah sendiri. Itu yang saya tahu. Bukanlah hendak champor kerana dalam atoran dan pentadbiran dalam Islam, bab nikah kahwin memang di-adakan khas, bab wakaf, bab nafkah, dia berkaitan dengan hal-ehwal perkahwinan bagitu juga bab berkenaan dengan wilayah hal-ehwal, dari segi kebajikan serta dengan perkara<sup>2</sup> yang berkaitan dengan zakat fitrah, boleh di-kata, kalau hendak sentoh satu persatu harus-lah kita mengambil masa yang panjang. Tetapi walau bagaimana sa-kali pun pada hari ini patut-lah, saperti mana apa yang telah di-chakapkan oleh Dato' Haji Mohamed Noah tadi, biar-lah kalau ada kesilapan bahawa ada perkara yang tidak lengkap jangan jadi sa-bagaimana berlaku yang sudah<sup>2</sup>.

Jadi saya harap pada masa ka-hadapan saya perchaya penoh kepada Menteri Kehakiman akan mengambil bahagian untuk membaiki kedudukan Mahkamah Shara'iah di-seluruh Tanah Melayu ini supaya Mahkamah dapat menjalankan dengan sa-penoh<sup>2</sup>-nya di atas apa juga urusan<sup>2</sup> berkaitan dengan Mahkamah Shara'iah. Sebab<sup>2</sup> yang saya katakan mustahak dan terpaksa mesti

di-buat hukuman<sup>2</sup> sa-kata seluroh-nya, kerana memang pengajaran di-dalam ugama Islam dudok di-kaki langit sana satu di-utara, satu di-barat, satu di-timor dan satu di-selatan—yang hukuman-nya satu. Kechuali ada perkara<sup>2</sup> yang kechil, itu lain saperti hendak chari bulan—bulan puasa—itu makalah masing<sup>2</sup>. Tetapi hal-ehwal berkaitan dengan hukum<sup>2</sup> lain di-katakan yang banyak sa-kali sa-rupa di-mana juga. Jadi dengan ada-nya hukuman<sup>2</sup> itu satu rupa, satu chara, patut-lah kuasa itu di-jalankan di-dalam Persekutuan Tanah Melayu, ini dengan satu pentadbiran yang sama supaya kita tidak terkeluar daripada pengajaran<sup>2</sup> yang di-tunjokkan di-dalam shara'iah Islam.

Ada perkara lagi yang besar, ini patut juga pehak Kerajaan mengambil pandangan yang luas dan untuk memberi fahaman<sup>2</sup>, nasehat<sup>2</sup> kepada tiap<sup>2</sup> negeri perkara yang berkaitan dengan zakat fitrah. Perkara yang berkaitan dengan zakat fitrah ini, rahsia yang paling besar sa-kali, ia-lah tujuan-nya untuk menghapuskan kepapaan dan kemiskinan. Itu dasar yang pertama, sa-hingga di-tegah, di-kawal dan di-jaga, supaya wang<sup>2</sup> itu jangan di-belanjakan dengan tidak tentu puncha. Ada sa-tengah<sup>2</sup>, kalau kita perhati, perbelanjaan chukup besar pada hal hak<sup>2</sup> zakat fitrah itu kepunyaan 8 bahagian, dalam 8 bahagian itu puncha yang besar sa-kali ia-lah terletak di-atas orang fakir miskin. Itu-lah tujuan yang besar supaya fakir miskin terhapus sama sa-kali dan terkeluar daripada lengkongan fakir miskin. Itu-lah tujuan shara'.

Jadi, saya harap, ini satu daripadanya kepada pehak Menteri Kehakiman supaya mengambil pandangan, memberi nasihat, sungoh pun kuasa ugama ini ada pada tiap<sup>2</sup> Negeri, tetapi patut-lah, biar kuasa itu berjalan sa-kata dan berjalan dengan tujuan<sup>2</sup>, dan hakikat<sup>2</sup> yang benar supaya mudah<sup>2</sup>an dengan keredzaan Tuhan kita akan terchapai. Tetapi kalau sa-kerat kita buat, sa-kerat kita tidak buat; sa-tengah kita buat, sa-tengah kita tidak buat—itu bukan lagi perkara itu boleh berjalan dengan baik, tetapi saya rasa

kita terkeluar daripada apa yang dikehendaki oleh Tuhan.

Jadi, saya harap, mudah<sup>2</sup>an dengan ada-nya undang<sup>2</sup> ini, saya menyokong penoh dan di-masa hadapan lagi, patut-lah di-ambil pandangan yang luas, kerana kita ada-lah berbangga besar di-dalam perkara agama. Kalau dalam radio boleh di-katakan chukup banyak mencheritakan hal ehwal tentang kedudukan agama Islam, suchi, berseh, tinggi, tetapi semua-nya itu main sapu ikut atas sahaja. Saya harap, minta ma'af kalau saya terlajak, Tuan Yang di-Pertua.

**The Minister of Lands and Mines (Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub):**

Tuan Yang di-Pertua, saya suka-lah hendak menjawab dengan sa-berapa ringkas-nya perkara<sup>2</sup> yang berthabit dengan Rang Undang<sup>2</sup> ini yang telah di-bangkitkan oleh Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat, terutama sa-kali Yang Berhormat Dato' Haji Mohamed Noah tadi telah menerangkan bahawa beliau berasa mushkil atas Clause 3 dalam Rang Undang<sup>2</sup> tersebut. Ini saya mengaku, di-pandang daripada keadaan yang ada pada hari ini, patut-lah undang<sup>2</sup> saperti ini lama telah di-buat, sa-kurang<sup>2</sup>-nya apabila Malaya mencapai kemerdekaan dalam bulan August tahun 1957, atau bulan September. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana biasa, bagi pegawai kita ini perkara yang bagini, kechuali ada di-timbulkkan oleh satu pehak, dia akan ta' nampak atas kesalahan itu. Jadi, perkara ini telah timbul—undang<sup>2</sup> ini telah timbul—kerana di-bangkitkan dalam satu meshuarat Majlis Raja<sup>2</sup> dan baharu-lah kita nampak bahawa Mahkamah<sup>2</sup> Shara'iah itu tidak mempunyai kuasa untuk membicharakan hal<sup>2</sup> jenayah dalam Mahkamah Shara'iah, kechuali saperti yang di-beri kuasa oleh undang<sup>2</sup> yang di-luluskan oleh Kerajaan Pusat atau pun Parlimen. Ini-lah sahaja sa-benar-nya tujuan ringkas undang<sup>2</sup> ini.

Jadi, sunggoh pun Ahli Yang Berhormat itu meminta jaminan supaya perkara saperti ini tidak berlaku lagi, saya tidak-lah berkata 100% perkara saperti ini ta' berlaku lagi, selalu di-dalam pentadbiran Kerajaan—sa-puluh

kadang<sup>2</sup> lima belas tahun, perkara yang salah itu baharu mereka nampak—ma'alum-lah kita ini semua manusia ada bersifat kekurangan.

Berkenaan dengan tegoran Ahli Yang Berhormat Dato' Sheikh Abu Bakar daripada Johor tadi, supaya jurisdiction dalam soal civil, kuasa dalam soal civil itu, di-beri oleh Kerajaan Pusat juga kepada Mahkamah<sup>2</sup> Shara'iah. Di-sini, saya suka-lah mengambil perhatian Ahli Yang Berhormat itu kepada List Yang Kedua, Ninth Schedule, di-dalam Perlembagaan Persekutuan, chuma memberi kuasa kepada Parlimen ini berkenaan dengan hal jenayah sahaja. Ini pun telah saya bacha tadi, saya akan mengulangi lagi:

The Constitution, organization and procedure of Muslim Courts—itu dalam kuasa Majlis Undangan Negeri—which shall have jurisdiction only over persons professing the Muslim religion and in respect only of any matters included in this paragraph—sama ada civil atau pun criminal—but shall not have jurisdiction in respect of offences except in so far conferred by federal law.

Jadi, kita chuma boleh membuat undang<sup>2</sup> yang kena-mengena dengan offences—dengan kesalahan—itu dia. Ini-lah yang kita buat pada hari ini. Jadi, saya ada membacha di-dalam Undang<sup>2</sup> Kelantan Tahun 1953, ia-itu ada kena-mengena sedikit di-dalam perkara ini, ada tersebut sa-banyak sedikit berkenaan dengan soal civil. Di-Sarawak pun begitu juga, kita ada undang<sup>2</sup> berkenaan dengan civil. Jikalau sa-orang suami ta' bayar belanja pada isteri-nya, isteri-nya itu boleh pergi ka-Mahkamah—di-sana di-panggil Native Court untuk mengadu supaya si-suami itu membayar belanja, kalau ta' bayar belanja sa-lama enam bulan, isteri itu berhak menuntut fasakh ya'ani cherai. Begitu keadaannya di-negeri Sarawak, dan saya faham di-Sabah pun lebeh kurang ada peratoran yang saperti itu. Jadi, perkara lain yang telah di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak-lah saya akan mengulangi lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Kelantan, Senator Amaluddin berkata, bahawa undang<sup>2</sup> ini memberi kuasa lebeh kepada Mahkamah Shara'iah. Ini salah, ta' begitu—bukan memberi

kuasa lebih daripada yang ada—tidak! Bukan tujuan undang<sup>2</sup> ini begitu. Soal berapa banyak sukatan hukuman itu, terpulang kepada Kerajaan Negeri, tetapi jikalau undang<sup>2</sup> itu meletakkan hukuman lebih daripada yang tersebut di-dalam ini, maka Mahkamah Shara'iah ini tidak ada mempunyai kuasa untuk membicarakan kesalahan<sup>2</sup> jenayah itu di-dalam Mahkamah Shara'iah—itu dia. Jadi, saya nampak, dalam Undang<sup>2</sup> Kelantan ini tadi, untuk kesalahan berkhawat, kalau saya ta' salah, kena hukum ta' lebih daripada \$100. Jadi, undang<sup>2</sup> ini tidak memberi kuasa supaya Mahkamah Shara'iah itu menghukum-nya sampai \$1,000 seperti yang di-sebutkan di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini—tidak. Apa yang telah di-tetapkan oleh Undang<sup>2</sup> Negeri itu tadi berjalan seperti biasa, tetapi kalau Undang<sup>2</sup> Negeri itu berkata, boleh di-hukum \$2,000 maka kerana bertentangan dengan ini, Mahkamah Shara'iah itu tidak akan mempunyai kuasa—ini dia perbezaan-nya. Jikalau Undang<sup>2</sup> Negeri berkata hukum \$500 ta' boleh lebih daripada \$500 sa-takat itu sahaja, ta' boleh menghukum sampai satu ribu. Undang<sup>2</sup> ini ta' memberi kuasa lebih kepada Mahkamah Shara'iah.

Berhubung dengan soal pentadbiran agama yang sama, ini ada-lah menyentoh soal Perlembagaan kita—berbalek kepada State List, List Yang Kedua, apabila Malaya mendapat kemerdekaan pada 31 haribulan August, 1957, soal ini agak-nya telah pun di-bincangkan di-antara Raja<sup>2</sup>, di-antara pakar<sup>2</sup> politik sama ada daripada Parti Perikatan, atau pun PAS, atau pun lain<sup>2</sup>, maka sa-golongan yang besar, kalau pun ta' satu jumlah semua sa-kali, sa-golongan yang besar daripada mereka di-Malaya ini telah ber-setuju tentang perkara yang tersebut di-dalam List Yang Kedua—Muslim law, zakat fitrah dan lain<sup>2</sup>, di-kuasa oleh tiap<sup>2</sup> Negeri. Elok betul, kalau kita dapat satu undang<sup>2</sup> agama yang sama di-seluruh Malaysia, elok betul, tetapi Kerajaan Negeri, Raja<sup>2</sup> sakalian, ada-kah bersetuju dengan chadangan demikian mengadakan perubahan kepada undang<sup>2</sup> ini—ini saya suka mengambil perhatian kepada Article

76, para 3 dalam Federal Constitution—chuba-lah Ahli Yang Berhormat itu bacha, boleh jadi beliau akan mengemukakan kepada Kerajaan Negeri Kelantan untuk memulakan chadangan beliau itu tadi. Yang ini berkata, kalau kita berkehendakkan satu undang<sup>2</sup> yang sama—menyamakan undang<sup>2</sup>—soal agama ini, dalam Malaysia ini; undang<sup>2</sup> yang di-buat oleh Parlimen ini ta' akan berjalan kuat-kuasa-nya, kechuali satu undang<sup>2</sup> baharu lagi di-buat oleh Majlis Undangan Negeri, dan undang<sup>2</sup> yang seperti itu akan di-anggap, bukan di-anggap sa-bagai Federal law, tetapi sa-bagai State law. Sa-balek-nya, sungoh pun kita suka mempunya satu undang<sup>2</sup> agama yang sama—saya tidak tahu soal agama, ta' belajar soal agama, tetapi ada mendengar, ia-itu ada yang Shafie, ada yang Maliki, ada yang Hanbali dan bermacam<sup>2</sup> pula yang lain. Jadi, sama ada boleh atau pun tidak, satu undang<sup>2</sup> Islam itu akan di-adakan satu sahaja chorak—itu satu soalan yang sangat rumit, tidak dapat saya hendak menjawab-nya, kerana saya bukan sa-orang pakar agama hendak menjawab-nya.

Beliau juga ia-itu Yang Berhormat Enche' Amaluddin menyentoh, bahawa Sami Budha dalam Thai mendapat keutamaan, mithal-nya, jika menggunakan keretapi dapat bayaran yang agak kurang atau pun yang lain<sup>2</sup>. Saya per-chaya tentu sa-kali Ahli Yang Berhormat itu tidak hendak menyamakan Sami<sup>2</sup> Budha dengan Kadhi<sup>2</sup> kita di-sini. Kadhi<sup>2</sup> dan Mufti<sup>2</sup> kita itu ada gaji-nya. Sami<sup>2</sup> Budha dengan keadaan-nya dengan sumpah dan keperchayaan mereka itu tidak bergaji daripada Kerajaan. Jadi, keutamaan mereka itu daripada keadaan mereka di-sana. Kita tidak dapat hendak samakan keadaan negeri orang dengan keadaan negeri ini, kerana fact negeri itu lain dengan fact negeri ini. Samaan ini samaan kasar sahaja untuk menyokong argument yang tidak ada mempunyai validity.

Menyamakan taraf Kadhi<sup>2</sup> dengan Hakim<sup>2</sup> yang lain, ini dua perkara yang sangat berlainan, Tuan Yang di-Pertua—berlainan sa-kali. Sedangkan

**Enche' Saidon bin Kechut:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang mengemukakan Uchapan Penanggohan ia-itu satu perkara yang sangat mendukachitakan saya berhubung dengan hebat-nya gerakan<sup>2</sup> kesatuan<sup>2</sup> sa-kerja yang mengancham negara dengan chara bertindak, ia-itu dengan chara menjalankan kerja menurut peratoran atau *work to rule* dan ada yang mengancham hendak mogok dari satu kesatuan beraleh kapada kesatuan yang lain, tidak habis<sup>2</sup> sa-hingga pada hari ini. Saya memandangkan masa-alah kepentingan negara dalam masa dharurat ini sa-patut-nya lebeh utamakan, maka saya rasa satu perkara yang di-mushkilkan kenapa dalam masa zaman dharurat ini maka kesatuan<sup>2</sup> sa-kerja lebeh menghebatkan tindakan<sup>2</sup>-nya yang saya sendiri perchaya mungkin ada sa-suatu kuasa yang mendorong-nya. Dan langkah<sup>2</sup> yang di-jalankan oleh kesatuan sa-kerja dengan tidak mengendahkan kepentingan negara ini, boleh di-anggap sa-bagai satu sikap sabotage yang chuba mengancham keselamatan negara. Saya berasa sa-patut-nya bagi pehak Kerajaan chuba menerangkan betul<sup>2</sup> kapada kesatuan sa-kerja yang mengatakan bertindak dengan sa-chara bekerja dengan menurut peratoran ia-itu sama ada benar-kah mereka ini menurut peratoran atau pun

ta' menurut peratoran. Kalau biasa-nya kita tengok bagaimana yang berlaku di-Pejabat Pos Besar di-Ibu Kota ini, pekerja<sup>2</sup> yang menurut peratoran menulis satu surat register memakan masa sa-lama 20 minit, ini bukan-lah erti kerja menurut peratoran tetapi kerja perlahan<sup>2</sup> ia-itu go-slow yang mana kalau dengan sa-chara yang demikian di-lakukan benar<sup>2</sup> menyusahkan orang ramai berhari<sup>2</sup> berdiri, maka saya rasa harus-lah tindakan itu dibalas dengan tindakan juga, kerja dengan perlahan<sup>2</sup> di-bayar gaji juga harus dengan perlahan<sup>2</sup> atau dikurangkan gaji-nya. (*Tepok*).

Saya sendiri telah pun membuat sedikit sa-banyak tegoran dan beberapa orang membuat tegoran dengan sa-chara persaorangan dan ada juga akhbar<sup>2</sup> yang sama sa-pendapat dengan saya, mithal-nya saperti *Utusan Melayu* yang mementingkan soal negara, membuat tegoran dalam perkara mementingkan negara dalam masa dharurat ini. Tetapi tindakan<sup>2</sup> kesatuan sa-kerja yang berkenaan ini chuba memulaukan atau mengambil tindakan merendah<sup>2</sup>kan dan menghina<sup>2</sup>kan saperti mana surat<sup>2</sup> daripada akhbar *Utusan Melayu* yang berlaku di-Kelantan, pehak kesatuan sa-kerja Pejabat Pos di-situ tidak di-benarkan mengambil surat daripada pos box yang ada di-situ. Ini menunjukkan mereka sendiri tidak sedar dan tidak menaruh minat bahawa apa yang ditegor oleh orang<sup>2</sup> yang merasa bertanggung-jawab dalam soal ini, dan saya merasa dalam soal Kerajaan kita pada hari ini menjalankan segala tenaga dan usaha untuk kepentingan negara, patut-lah di-puji kerana didalam masa yang sulit ini Kerajaan sanggup juga berunding dan menawarkan beberapa tawaran untuk kepentingan kesatuan sa-kerja. Mereka harus-lah tahu kalau di-negeri<sup>2</sup> lain mereka tidak harus-lah mendapat tempat—mereka bertindak dengan chara mengancham ini tidak ada jalan perundingan melainkan mereka di-tembak mati sahaja.

Satu perkara lagi saya harap dalam perkara tindakan kesatuan sa-kerja ini kalau Kerajaan boleh mengadakan perintah berkurong yang melibatkan

orang ramai susah hendak keluar, susah hendak membeli barang<sup>2</sup>, dalam soal kepentingan negara di-sebabkan tindakan kesatuan sa-kerja, Kerajaan saya berharap dapat mengadakan satu peratoran, sa-kurang<sup>2</sup>-nya menggantung kuasa<sup>2</sup> bertindak daripada kesatuan<sup>2</sup> sa-kerja dalam masa dharurat ini. Bukan saya katakan hendak mengharamkan kesatuan tetapi menggantungkan kuasa<sup>2</sup> bertindak hanya mereka di-bolehkan berunding dengan Kerajaan dengan sa-chara aman damai dan sa-chara bertolak ansor.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan janji<sup>2</sup> Kerajaan. Kalau Kerajaan telah berjanji dengan kesatuan<sup>2</sup> sa-kerja ini harus-lah Kerajaan pula menepati janji-nya dengan apa chara sa-kali pun.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya berasa dukachita berhubung dengan kejadian yang berlaku baharu<sup>2</sup> ini, rusohan di-Ibu Kota Kuala Lumpur, dengan sebab perarakan yang di-anjorkan oleh Socialist Front. Bila pemimpin<sup>2</sup> mereka ditangkap maka mereka mengatakan Kerajaan kita tidak lagi mengadakan achara<sup>2</sup> berupa demokrasi atau pun kebebasan orang ramai. Jadi perarakan yang di-adakan ini dengan senjata<sup>2</sup> dibawa yang membahayakan orang ramai dengan satu tujuan, konon-nya hendak membela pemimpin<sup>2</sup> mereka. Walhal pemimpin<sup>2</sup> mereka yang kita tahu, telah pun membuat pengakuan sa-chara suka-rela telah pun dapat nikmat daripada penipuan mereka bukan sahaja mereka mengkhianati negara, tetapi mengkhianati parti-nya sendiri dengan mendapat wang bukan semuanya di-belanjakan untuk kepentingan parti-nya tetapi beberapa orang daripada mereka telah banyak membuat harta. Wang<sup>2</sup> yang mereka dapat ini, mereka beli tanah, beli kereta dan sa-bahagian kecil sahaja yang di-belanjakan oleh parti-nya dalam masa pilehan raya atau kepentingan yang lain<sup>2</sup>. Jadi parti Pembangkang yang chuba mengadakan tunjok<sup>2</sup> perasaan dan chuba hendak menyokong pemimpin<sup>2</sup> mereka, mereka harus sedar. Kalau di-dalam Perikatan pemimpin<sup>2</sup> yang demikian kita tidak guna simpan lagi dan mereka di-hapuskan terus daripada perjuangan

parti. Tetapi parti Pembangkang hendak terima, kita pulangkan-lah kepada dia.

Tetapi soal-nya sekarang, satu perkara yang timbul dalam Dewan Ra'ayat, konon-nya mereka beralaskan Front Bertindak yang pada satu masa telah pun mengemporkan pejabat Kedutaan Indonesia dan juga merampas hak Jati Kosumo di-Maxwell Road. Ini harus mereka fikirkan benar<sup>2</sup> bahawa tindakan Front Bertindak hari itu ada-lah sa-bagai sa-orang kasteria, sa-orang perwira dan sa-orang perajurit yang mempertahankan negara-nya—bukan sa-bagai orang<sup>2</sup> daripada Socialist Front, atau Parti<sup>2</sup> Pembangkang yang lain, mereka ada-lah chuba hendak menderhaka dan sejarah harus menchatitkan yang mereka ada-lah penderhaka, tetapi Front Bertindak ini ada-lah kasteria yang sa-patut-nya mereka mendapat bintang<sup>2</sup> kehormatan Kasteria Mangku Negara, atau K.M.N. itu di-berikan kepada pemuda<sup>2</sup> yang berjiwa kasteria ini. (*Tepok*).

Jadi, untuk hendak mereka mengetahui tentang soal demokrasi berjalan, atau tidak, patut-lah mereka ini di-kurong. Sebab apa, orang yang sudah di-kurong itu ta' ada lagi dia dapat perasaan kebebasan dan demokrasi. Kalau kita bertanya sekarang kepada Ishak Haji Mohamed, kepada Dr Burhanuddin, kepada sa-siapa lagi yang sudah di-kurong, dia tahu sekarang harga kebebasan, kerana dia hendak berchakap di-dalam itu terkurong, macham burong di-dalam sangkar, erti-nya kebebasan-nya sudah habis. Jadi, orang<sup>2</sup> yang mengatakan, kita tidak ada kebebasan ini, harus dia di-kurong pula supaya dia tahu apa dia kebebasan dan saya berseru dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu segala perkara yang di-jalankan sa-bagai anchaman kepada negara ini, Kerajaan kita harus-lah mengadakan sekatan<sup>2</sup> yang lebeh ketat lagi supaya peluang<sup>2</sup> tidak akan dapat lagi di-jalankan oleh anasir<sup>2</sup> pengkhianat ini, dan kita harus-lah mengetahui benar<sup>2</sup> bahawa pehak<sup>2</sup> Pembangkang sedang mengadakan lagi persiapan<sup>2</sup> hendak membela pemimpin<sup>2</sup> mereka.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, ini sahaja-lah yang dapat saya sampaikan di-dalam Uchapan Penanggohan ini,

dan saya ucapkan ribuan terima kasih. (*Tepok*).

**The Minister of Labour (Enche' V. Manickavasagam):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pandangan Ahli Yang Berhormat itu di-atas perkara yang di-sebutkan-nya tadi tentang persatuan<sup>2</sup> buroh, Kerajaan pun tidak puas hati di-masa dharurat sekarang, persatuan<sup>2</sup> ada mula<sup>2</sup> buat kerja work-to-rule, bukan sahaja work-to-rule, tetapi sampai go-slow. Jadi, saya boleh-lah beritahu kepada Ahli Yang Berhormat itu dan juga kepada Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat di-sini ia-itu Kerajaan yang di-pileh oleh ra'ayat ada-lah bertanggong-jawab bagi menjaga keselamatan negeri dan juga kesenangan kepada ra'ayat, dan sunggoh pun di-dalam Perlembagaan, ada di-beri jaminan, tiap<sup>2</sup> atoran, atau pun the right of citizen, tetapi kita meminta kepada kesatuan<sup>2</sup> supaya ingat tanggong-jawab mereka, lebeh<sup>2</sup> lagi di-dalam masa dharurat sekarang ini.

Kita tidak suka hendak buat apa<sup>2</sup> yang memberi kesusahan kepada orang<sup>2</sup>, atau pun kita tidak mahu melanggar Perlembagaan, tetapi kita meminta kepada tiap<sup>2</sup> ra'ayat, sama ada daripada pekerja atau pun daripada majikan—gunakan Perlembagaan ini, dengan spirit itu dan jangan melebehi, dan jangan-lah memberi susah baik majikan atau pun buroh kepada ra'ayat, dan sa-bagaimana yang saya katakan tadi, kalau ini di-jalankan juga, kita sa-bagai Kerajaan mesti memberi jalan<sup>2</sup> menchari kesenangan kepada ra'ayat.

Lagi satu perkara yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi ia-lah siaran<sup>2</sup> akhbar. Sa-bagaimana tuan<sup>2</sup> semua tahu, akhbar di-dalam negara kita ini ada di-beri kebebasan dan di-benarkan berjalan seperti biasa, tetapi kita minta juga kepada akhbar<sup>2</sup> dan tiap<sup>2</sup> orang kalau ada bertanggong-jawab, ingat akan tanggong-jawab dan kewajipan-nya, semua kesulitan kita boleh di-atasi dan saya di-sini boleh mengatakan kepada Ahli Yang Berhormat itu ia-itu apa<sup>2</sup> perkara yang di-sebutkan-nya tadi ada-lah dalam timbangan dan saya fikir kesatuan<sup>2</sup> buroh boleh di-ingatkan, Kerajaan atau pun negara kita lebeh daripada diri sendiri.

Bagitu juga bagi pehak majikan, janganlah menyusahkan buroh sahaja kerana perkara ini mengenai kedua pehak dan kalau kedua pehak berfikiran demikian, pekerjaan saya pun senang di-jalankan dan Kerajaan pun demikian juga. Terima kaseh.

**Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub:**

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak memberi penjelasan sedikit berkenaan dengan perkara yang kedua yang telah di-timbulkan di-dalam Uchapan Penanggohan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Sa-bagai sa-buah Kerajaan yang bertanggung-jawab, bukan sahaja untuk mengadakan kema'moran di-dalam negeri, tetapi juga bagi keselamatan negeri, keselamatan ra'ayat di-dalam negeri ini, maka Kerajaan Perikatan yang memerintah pada masa ini berasa perbuatan yang di-buat oleh Front Socialist baharu<sup>2</sup> ini, ada-lah satu tindakan yang keras untuk menentang dan menchabar Kerajaan, sa-balek-nya menchabar seluroh negara sa-hingga mereka sanggup menggunakan kekerasan. Perbuatan Front Socialist itu ta' ada banding-nya dengan perbuatan, saperti yang telah di-nyatakan tadi oleh Front Bertindak. Saya bersetuju, kalau saya jadi Yang di-Pertuan Agong, atau pun jadi Menteri, atau pun jadi Raja, saya beri dia K.M.N. itu—betul ini. Dia bertindak melawan Indonesia, kerana Indonesia mencheroboh kita, patut-lah kita beri—kalau saya ta' salah, dia ada bintang A.M.N., entah apa-kah yang dia sudah dapat lagi.

Di-sini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menegaskan bahawa Kerajaan Perikatan ada-lah bertanggung-jawab kepada ra'ayat jelata sakalian untuk menjaga keselamatan di-dalam negeri ini. Oleh sebab itu, Kerajaan bersedia menentang sa-barang apa rupa sahaja kekachauan, pencherobohan, atau pun apa juga yang lain-nya yang hendak membuat kachau-bilau di-dalam negeri ini, dengan sa-berapa daya upaya-nya, dengan menggunakan apa sahaja kuasa<sup>2</sup> yang ada di-beri oleh undang<sup>2</sup> pada masa ini, kepada Kerajaan, atau kepada Menteri—itu kita beri jaminan kepada ra'ayat, dan oleh sebab jaminan itu kita beri kepada ra'ayat, maka ra'ayat telah memilih kita dengan ramai-nya menjadi Ahli Dewan Ra'ayat

dan ra'ayat ketahu<sup>1</sup> bahawa Parti Perikatan dapat menjaga keselamatan dalam negeri ini. Kita tidak menchuai-kan daripada menggunakan kuasa<sup>2</sup> yang telah di-beri oleh ra'ayat itu kepada kita.

Sa-terus-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menerangkan untuk pengetahuan Dewan ini serba sedikit tentang peristiwa yang berlaku pada pagi 13 haribulan Februari, 1965, itu. Elok juga kalau saya terangkan kejadian yang telah berlaku beberapa hari sa-belum 13 haribulan Februari itu. Pehak Kerajaan telah mendapat ma'lumat, mendapat tahu, bahawa Socialist Front berazam hendak mengadakan tunjok-perasaan sungguh pun kebenaran untuk mengadakan rally, procession, telah tidak di-beri oleh pehak polis. Permohonan Socialist Front telah di-tolak oleh Kerajaan oleh kerana memandang kepada keadaan yang ada pada masa ini ia-itu keadaan dharurat sa-bagaimana kita ketahu<sup>1</sup>. Juga di-ketahu<sup>1</sup> bahawa chawangan<sup>2</sup> Socialist Front telah di-minta menghantar ahli<sup>2</sup> mereka ka-Ibu Kota untuk maksud tersebut tadi. Persiapan<sup>2</sup> untuk menentang pehak polis dengan chara kekerasan telah juga di-buat oleh Socialist Front, pada hal ahli<sup>2</sup> mereka dalam Dewan Ra'ayat berkata kita hendak mengadakan perjumpaan chara aman sahaja dan tidak dengan chara kekerasan.

Dua hari sa-belum daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang ahli Socialist Front dari luar daripada Kuala Lumpur telah tiba di-sini untuk turut bersama<sup>2</sup> dalam tunjok-perasaan yang akan di-adakan itu. Nasib baik Kerajaan Perikatan begitu chekap dan chergas, maka dua orang ahli parti itu telah di-tangkap kerana melekatkan chogan<sup>2</sup> kata di-bangunan<sup>2</sup> Ibu Kota. Itu-lah dengan ada-nya kerja keras pehak polis dan mereka<sup>2</sup> yang lain, ra'ayat<sup>2</sup> yang lain yang tidak mahu kepada perbuatan yang macham itu, maka dua orang daripada mereka telah di-tangkap sa-bagaimana yang telah saya sebutkan tadi.

Maka pada 12 haribulan Februari ahli<sup>2</sup> dari luar telah juga di-nasihatkan supaya menggunakan jalan<sup>2</sup> yang jarang di-pakai untuk memasoki ka-Kuala



Lumpur—ini dia daripada Socialist Front—itu ia-lah untuk mengelakkan daripada di-tahan oleh polis. Mereka tahu kalau mengikut jalan biasa polis sedia tunggu. Kerajaan sudah beri perintah kepada polis, polis sudah sedia di-mana jalan yang biasa di-pakai, polis telah bersedia. Mereka tahu perkara itu akan berlaku. Mereka gunakan jalan<sup>2</sup> yang lain yang tidak biasa di-pakai oleh orang. Tetapi pada pukul 2 pagi pada 12 haribulan Februari, 1965, POPO (Public Order Preservation Ordinance) telah di-kuat-kuasakan di-seluruh negeri Selangor, dan berikutnya 4 orang daripada ahli Socialist Front telah di-berkas di-bawah Section 73, Perenggan I Undang<sup>2</sup> Keselamatan Dalam Negeri. Ini sa-kali lagi menunjukkan kechergasan Pegawai<sup>2</sup> Polis kita dalam menjalankan tugas<sup>2</sup> untuk menjaga keselamatan dalam negeri ini.

Pada pukul 8.30 pagi beberapa kumpulan penyokong Socialist Front telah berhimpun di-hadapan Ibu Pejabat Socialist Front yang kita tahu dekat Batu Road yang menggunakan bangkai kepala lembu sa-bagai tanda dia itu, dan pada pukul 10 pagi pula 500-600 orang telah berada di-situ. Nyata-lah kepada pehak polis di-ketika itu bahawa kalau perkara ini di-biarkan begitu sahaja akan tentu berakibat burok dan akan merebak, harus juga, di-seluruh Malaya. Sudah menjadi tanggung-jawab, Tuan Yang di-Pertua, bagi pehak polis supaya bertindak seperti yang telah mereka perbuat pada pagi itu.

Untuk pengetahuan Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat Dewan ini sakalian, kalau-lah pehak polis tidak bertindak dengan chepat seperti yang telah mereka lakukan pada pagi itu, perkara itu akan merebak menjadi satu ancaman yang terbesar kepada keselamatan negara kita. Tindakan polis ini telah mengelakkan juga daripada terjadi-nya kemalangan. Begitu-lah kechekapan Pegawai<sup>2</sup> Polis kita dalam negeri ini. Saya suka menyatakan bahawa tidak ada satu pun kemalangan terjadi pada hari itu walau pun penduduk<sup>2</sup> di-Ibu Kota kita telah tergendala dalam urusan mereka sa-tiap hari oleh kerana ada perintah berkurong telah di-keluarkan, Perintah berkurong tersebut di-

kenakan supaya yang berkuasa dapat bertugas dengan senang dan lichen untuk menentang pehak<sup>2</sup> yang akan mencheroboh dan yang akan merosakkan keamanan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan lagi bahawa pada pagi tersebut itu nampak-nya pemimpin<sup>2</sup> Socialist Front tidak lagi berdaya-upaya mengawal perhimpunan tersebut sebab perhimpunan itu telah pun di-pengarohi oleh anasir<sup>2</sup> jahat. Satu cerita yang kita dapat yang telah di-nyatakan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, ia-itu sa-orang pemimpin besar dalam Socialist Front, Yang Berhormat Dr Tan Chee Khoon, telah chuba beritahu kepada polis: biar saya ka-hadapan, saya boleh uruskan perkara ini dan damaikan mereka itu. Dia ka-hadapan dia pun lenyap, polis chari di-mana dia pergi pada ketika itu tidak nampak lagi, polis susah hati takut dia kena dia orang itu lagi, dia sendiri pun tidak boleh control dengan dia orang itu, tetapi bagaimana pun beliau telah tidak mengaku perkara itu berlaku, sunggoh pun begitu saksi banyak dan polis telah memberi keterangan yang demikian menunjukkan apa yang telah berlaku ada-lah di-hasut oleh pehak yang jahat dalam negeri kita ini.

Kerajaan, terutama sa-kali Menteri yang berkenaan ia-itu Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, telah bertalu<sup>2</sup> dalam Dewan Ra'ayat dan di-luar Dewan Ra'ayat, kepada Press dan lain<sup>2</sup>, menasihatkan supaya Socialist Front memechat ahli<sup>2</sup> mereka yang berupa subversive itu ya'ani bersehan parti itu. Kita bukan buat begitu sahaja. Kata Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, dia dan Kerajaan boleh bantu pemimpin<sup>2</sup> yang betul<sup>2</sup> ta'at setia kepada negeri kita ini membasoh Socialist Front dengan syarat pemimpin itu mahu bekerjasama dengan Kerajaan. Kita mahu parti Pembangkang yang betul<sup>2</sup> mempunyai ta'at setia kepada negara ini. Satu parti Pembangkang yang kuat kerana kita perchaya kepada demokerasi. Tetapi dukachita-nya tawaran untuk membaiki parti Pembangkang itu daripada satu parti Kerajaan, tidak di-terima oleh

pehak Pembangkang—tidak di-terima oleh Socialist Front. Itu sangat<sup>2</sup> mendukachitakan. Kita ketahuilah. Mereka di-control oleh orang jahat, maka mereka tidak ada daya-upaya. Jadi, akibat-nya daripada ini kita tidak boleh keluar daripada satu keputusan kita terpaksa mengutok Socialist Front. Ini satu Kerajaan yang baik, satu Kerajaan yang mahu bantu pemimpin, Pembangkang, membersekan parti—parti yang menentang Kerajaan. Tawaran tidak dapat di-buat kerana parti diseludupi oleh subversive. Apa keputusan yang kita ambil sa-lain daripada mengutok parti yang saperti itu. Kalau Socialist Front hendak menjadi sa-buah parti Pembangkang yang jujur dan di-hormati, maka hendak-lah parti itu membuang segala anasir<sup>2</sup> yang subversive yang sa-mata<sup>2</sup> menggunakan parti itu untuk kepentingan mereka sendiri atau pun untuk mengembangkan pergerakan<sup>2</sup> komunis dalam negara kita ini.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini menegaskan bahawa Kerajaan Perikatan berdiri dengan tegoh-nya di-atas dasar demokrasi. Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat sakalian terlebih ma'alum bahawa ada-nya parti Pembangkang itu dalam negeri kita ini ia-lah satu bukti yang tidak boleh ditentang<sup>2</sup>kan lagi bahawa demokrasi itu hidup dalam negeri kita ini. Ketidadaan parti Pembangkang itu bermatana-lah negara itu di-bawah regime kuku besi saperti yang berlaku dalam Indonesia yang menggunakan demokrasi konon-nya, tetapi sa-chara Terpimpin. Kalau di-pimpin oleh Sukarno betul<sup>2</sup> agak-nya tidak apa-lah. Ini di-pimpin oleh Aidit. Ini penyakit besar.

Kerajaan ini tidak akan mengambil sa-barang tindakan terhadap Socialist Front saperti agak-nya yang di-kehendaki oleh Yang Berhormat Senator itu, bila dia naik marah tutup sahaja-lah Socialist Front kata-nya. Kita tidak akan buat gopoh<sup>2</sup> dengan tidak tentu fasal macham itu, kerana kita satu Kerajaan yang bertanggung-jawab. Sakira-nya parti itu bergerak mengikut undang<sup>2</sup> yang ada pada masa ini biarlah mereka bergerak, tetapi sa-balek-nya, kalau parti itu, pada dasar-nya,

bergerak luar daripada yang di-benarkan oleh undang<sup>2</sup> atau keluar boundary-nya itu, maka sudah menjadi kewajipan Kerajaan terhadap ra'ayat seluruh-nya dalam negeri ini—ra'ayat yang ta'at setia dalam negeri ini—mengambil tindakan yang sesuai. Apa dia tindakan yang sesuai itu bergantung kepada keadaan.

Saya harap keadaan yang sa-macham ini yang berlaku pada 13 haribulan Februari—Kerajaan berharap—tidak akan berlaku lagi, kerana jika berlaku lagi, kita tidak tahu siapa-kah hendak join Enche' Aziz Ishak atau pun Ishak Haji Muhammad bersama<sup>2</sup> makan sedap dan tidor sedap kata beliau—filem akan tunjok nanti—dia ada shower dan makan telur dua biji tiap<sup>2</sup> pagi dan lain<sup>2</sup>. Siapa yang hendak masok ikut dengan dia itu jalan-lah pergerakan yang terkeluar daripada garisan undang<sup>2</sup>, Yang Berhormat Menteri yang bertanggung-jawab boleh mengambil tindakan yang sesuai untuk mereka yang saperti itu tadi.

Jadi berkenaan dengan seruan Ahli Yang Berhormat itu supaya Kerajaan mengadakan persiapan yang lebeh ketat lagi, Kerajaan merasa di-tingkat ini ada kuasa<sup>2</sup> yang chukup untuk menentang anasir<sup>2</sup> jahat yang saperti itu. Tetapi yang penting sa-kali dalam keadaan bagini bukan sahaja ada-nya satu Undang<sup>2</sup> atas kertas. Apa yang menjadi kekuatan kita sa-lama ini ia-lah semangat ra'ayat yang tidak mahu di-pijak oleh apa anasir pun sama ada daripada luar negeri atau dalam negeri itu yang menjadi kekuatan Malaysia yang akan hidup, kita harap, sa-lama<sup>2</sup>-nya. Demikian-lah, Tuan Yang di-Pertua.

## ADJOURNMENT *SINE DIE*

**Mr President:** Usul di-hadapan Majlis Meshuarat ini ia-lah ia-itu:

Majlis Meshuarat ini di-tanggohkan pada satu masa yang tidak di-tentukan.

Question put, and agreed to.

Resolved,

Majlis Meshuarat ini di-tanggohkan pada satu masa yang tidak di-tentukan.

*Adjourned at 3.40 p.m.*



## WRITTEN ANSWERS TO QUESTIONS

### MINISTRY OF AGRICULTURE AND CO-OPERATIVES

#### Improved techniques of padi planting and Irrigation Schemes in Sarawak

**1. Enche' Andrew Jika Landau** asks the Minister of Agriculture and Co-operatives to state:

- (a) when his Ministry will undertake to assist the padi planters in Sarawak by introduced techniques, of improved padi planting and double-cropping; and
- (b) whether Irrigation Schemes are under consideration for Sarawak similar to those of Malaya, and if so, when will they be implemented.

#### The Minister of Agriculture and Co-operatives (Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi):

- (a) As agriculture is a State subject, my Ministry has no executive authority over the Department of Agriculture in Sarawak but the closest co-operation exists between the Director of Agriculture, States of Malaya and his counterpart in Sarawak to ensure that facilities for exchange of high yielding and disease resistant padi varieties, improved techniques of padi planting, etc., are made available to him. For example, selected varieties from the States of Malaya such as Siam 29, Serendah Kuning, Anak Naga and Radin Ebos have been introduced into Sarawak and are being tested there. The general lack of irrigation facilities, however, limit the possibilities of double-cropping in Sarawak;
- (b) as irrigation is also a State subject, all that my Ministry can do is to extend our co-operation to the Drainage and Irrigation Department in Sarawak. However, the Director of Drainage and Irrigation, States of Malaya will shortly be visiting Sarawak to look into the possibility of

seconding one of his engineers to Sarawak to assist in the investigation and planning of irrigation schemes in that State.

#### Sarawak Fishermen

**2. Enche' Andrew Jika Landau** asks the Minister of Agriculture and Co-operatives to state:

- (a) What feasible steps, if any, he intends to take to alleviate the pressing economic hardships of the Sarawak Coastal Native fishermen and to introduce modern methods of inshore or deep sea fishing, to replace the existing shallow water dragnets; and
- (b) whether he will introduce Fishing Co-operative Societies into Sarawak similar to those existing in Malaya and provide the necessary financial assistance to Sarawak fishermen for the purchase of fishing gear and fishing vessels.

#### Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi:

- (a) As the Honourable Member is aware, financial provision has been made this year to set up a new Fisheries Department in Sarawak which will function under the direction of the Director of Fisheries, Malaysia, as fisheries is a federal subject. It is hoped to extend the Federal Fisheries Act to Sarawak to enable measures to be introduced to improve the livelihood of the Sarawak fishermen. As a first step facilities have already been provided to Sarawak fishermen to receive training in the two Marine Fisheries Schools in Malaya. In fact, in 1964, eleven Sarawak fishermen completed their training in simple navigation, engine maintenance and repairs and fishing techniques. It is hoped that by increasing the level of technology of the Sarawak fishermen, more modern methods of fishing can be gradually introduced to replace existing outmoded and uneconomic techniques;

- (b) As it is the policy of my Ministry to promote co-operatives and other rural institutions as effective instruments for improving the economic and social status of the primary producers, whether they be farmers or fishermen, it is, therefore, my intention to introduce fishermen's co-operative credit and marketing societies on the lines of those existing in the States of Malaya into Sarawak as part of a general plan to expand the scope of the co-operative movement in the Borneo States. Efforts will be made to extend the necessary financial assistance to Sarawak fishermen but the amount of funds available must depend on the financial situation of the country.

## MINISTRY OF EDUCATION

### Sabah Students

**3. Dato' J. A. Angian Andulag** bertanya kepada Menteri Pelajaran adakah Kerajaan akan mengadakan kelas<sup>2</sup> sekolah untuk membolehkan murid<sup>2</sup> yang tidak berjaya dalam Peperiksaan Sijil Rendah Cambridge belajar setahun lagi, kerana taraf Pelajaran di-Sabah ada-lah lebih rendah daripada taraf pelajaran di-negeri<sup>2</sup> lain dalam Malaysia dan kelas<sup>2</sup> ini akan memberi peluang kepada penuntut<sup>2</sup> yang tersebut itu meneruskan pelajaran-nya dengan tidak kira umur mereka dan tempoh yang di-tentukan bagi-nya.

**Menteri Pelajaran (Enche' Mohd. Khir Johari):** Kerajaan tidak-lah mempunyai ranchangan khas bagi mengadakan tempat untuk membolehkan murid<sup>2</sup> yang tidak berjaya dalam Peperiksaan Sijil Rendah Sabah mengulang pelajaran mereka sa-tahun lagi. Tetapi-nya segala pertimbangan telah dan akan terus di-beri untuk memberi peluang<sup>2</sup> kepada murid<sup>2</sup> mengulang pelajaran tersebut, jika ada tempat<sup>2</sup> kosong dalam darjah<sup>2</sup> Form III biasa. Juga, murid<sup>2</sup> yang tidak lulus itu tidak-lah di-halang oleh pihak Kerajaan memasoki sa-mula peperiksaan tersebut itu sebagai chalun bersendir.

### Teachers' Housing in Sabah

**4. Dato' J. A. Angian Andulag** bertanya kepada Menteri Pelajaran adakah Kerajaan Pusat akan mengambil langkah hendak mengadakan rumah<sup>2</sup> bagi guru<sup>2</sup> sekolah di-Sabah kerana pada masa ini guru<sup>2</sup> itu terpaksa menumpang di-kedai<sup>2</sup> dan di-rumah<sup>2</sup> kampung, dan juga ada-kah Kerajaan akan menambah peruntokan wang untuk mendirikan sekolah<sup>2</sup> dan rumah<sup>2</sup> bagi guru<sup>2</sup> di-Sabah.

**Enche' Mohd. Khir Johari:** Kerajaan Pusat memang mempunyai ranchangan bagi mengadakan rumah<sup>2</sup> bagi guru<sup>2</sup> di-Sabah. Bagi maksud ini Kerajaan Pusat telah meluluskan di-bawah ranchangan bangunan yang ada sekarang ini satu ranchangan rumah guru<sup>2</sup> mengikut besar-nya sa-sabuah sekolah.

Berkenaan dengan peruntokan wang bagi mendirikan sekolah<sup>2</sup> dan rumah<sup>2</sup> guru, maka tambahan<sup>2</sup> akan di-beri mengikut perkembangan pelajaran dan juga mengikut kemampuan negara.

## MINISTRY OF FINANCE

### Payroll Tax

**5. Enche' S. P. S. Nathan** asks the Minister of Finance whether he would favourably consider exempting trade unions which are non-profit making voluntary organisations from paying of payroll tax.

**The Minister of Finance (Enche' Tan Siew Sin):** An examination, which is nearing completion, is being made as to the various categories of organisations which may be exempt from payroll tax. The position of those bodies which are non-profit making, and which are exempt from income tax, will be borne in mind in such an examination.

## MINISTRY OF HEALTH

### Goitre cases in Selangor

**6. Enche' S. P. S. Nathan** asks the Minister of Health the number of cases of goitre in Selangor—particularly in Carey Island.

**The Minister of Health (Enche' Bahaman bin Samsudin):** 368 cases of goitre were seen and treated at the Government hospitals in Selangor in 1963. Figures are not available for Carey Island.

**7. Enche' S. P. S. Nathan** asks the Minister of Health, would the Minister institute an investigation to determine whether the higher incidence of goitre is related to lack of iodine in water supply in Carey Island.

**Enche' Bahaman bin Samsudin:** According to the report of the visiting Medical Officer of Carey Island no one in Carey Island has come forward with complaints of goitre to the Group Hospital on the Island. Therefore there is no point in instituting such an investigation as suggested.

## MINISTRY OF HOME AFFAIRS

### Police Band

**8. Enche' Andrew Jika Landau** asks the Minister of Home Affairs to state whether he would consider arranging for the Sarawak Constabulary Police Band to perform in the capital towns of the States of Malaya and for the Royal Malaysian Police Band to tour Sarawak and Sabah to perform for the benefit of the general public there and the Security Forces in particular.

**The Minister of Home Affairs (Dato' Dr Ismail bin Dato' Haji Abdul Rahman):** Yes, I will consider sending the Central Band of the Royal Malaysia Police to tour the Borneo territories and for the Band of the Sarawak Component of the Royal Malaysia Police to tour the States of Malaya when suitable occasions present themselves and provided that funds are made available to meet the cost of air transport.

### The Royal Malaysia Police

**9. Enche' Abdul Wahab bin Idus** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

- (a) berapa peratus ahli<sup>2</sup> Polis di-Raja Malaysia yang berpangkat rendah daripada satu<sup>2</sup> bangsa pada masa sekarang;

(b) berapa bilangan Inspekter daripada tiap<sup>2</sup> satu bangsa yang telah naik pangkat Penolong Penguasa Polis (A.S.P.) dalam tahun 1962 dan 1965;

(c) berapa peratus Inspekter<sup>2</sup> dan Penolong Penguasa Polis (A.S.P.) sekarang daripada bangsa Melayu.

**Dato' Dr Ismail:** Dukachita tidak dapat hendak memberi jawapan kepada soalan<sup>2</sup> yang tersebut di-atas, oleh kerana angka<sup>2</sup> yang menunjukkan bilangan anggota<sup>2</sup> Pasokan Polis di-Raja Malaysia, ia-itu mengikut bangsa, tidak pernah di-simpan. Sa-belum tertuboh-nya Malaysia, anggota<sup>2</sup> Pasokan Polis di-Raja Persekutuan Tanah Melayu, yang jadi warga negara Persekutuan ada-lah di-anggap sa-bagai bangsa "Malayan", dan dengan tertuboh-nya Malaysia maka anggota<sup>2</sup> Pasokan Polis di-Raja Malaysia yang jadi warga negara negeri ini ada-lah di-anggap sa-bagai bangsa "Malaysian".

## MINISTRY OF LABOUR

### Workmen's Compensation Ordinance: Review

**10. Enche' S. P. S. Nathan** asks the Minister of Labour when he intends to initiate action to amend the provisions relating to compensation awards under the Workmen's Compensation Ordinance, 1952.

**The Minister of Labour (Enche' V. Manickavasagam):** My Ministry is at present making a complete review of the Workmen's Compensation Ordinance, including the provisions relating to the amount of compensation payable. As soon as this review is completed, this matter will be referred to the National Joint Labour Advisory Council.

### Awards

**11. Enche' S. P. S. Nathan** asks the Minister of Labour to give the number of workers killed from accidents in the course of being transported by lorries to work and the amounts of compensation paid to their dependants under the Workmen's Compensation Ordinance, 1952, during the year 1964.

**Enche' V. Manickavasagam:** In 1964, 16 workmen were killed from accidents in the course of being transported by lorries to work. In 2 cases, their dependants had accepted workmen's compensation amounting to \$10,200 but in the other 14 cases their dependants are pursuing their claims in Court for damages.

**12. Enche' S. P. S. Nathan** asks the Minister of Labour to give details of accidents to workers arising in the course of employment and compensation amounts paid under the Workmen's Compensation Ordinance, 1952, during 1964.

**Enche' V. Manickavasagam:** In 1964 there were 15,369 accident cases and the total amount of compensation paid was \$3,783,721. Details are as follows:

	No. of cases	Compensation paid
1. Temporary disability cases ... ..	14,104	\$ 797,434
2. Permanent-partial disability ... ..	935	1,371,037
3. Permanent-total disability ... ..	29	102,105
4. Fatal ... ..	301	1,513,145

#### **Dock Labour Board—Penang**

**13. Enche' S. P. S. Nathan** asks the Minister of Labour the causes of delay in publishing the Report of ILO Expert on the prospects of establishing a Dock Labour Board for Penang, reported to have been submitted to Government, nearly two years ago.

**Enche' V. Manickavasagam:** Certain specific aspects of the ILO Expert's Report received in April, 1964 which needed further consideration are being studied by Government.

#### **Unification of Malaysian Labour Laws**

**14. Enche' S. P. S. Nathan** asks the Minister of Labour to state the action which the Central Government has taken to bring about a unification of Malaysian Labour Laws and the results.

**Enche' V. Manickavasagam:** The Central Government is in continuous consultation with the State Governments concerned on this matter and

wherever practicable action has been taken to extend the Malayan Labour Laws to the States of Sabah and Sarawak.

#### **Workers' Housing Bill**

**15. Enche' S. P. S. Nathan** asks the Minister of Labour to state when the Bill on Workers' Housing is likely to be presented to the House of Representatives, and if it is going to be delayed what steps he is taking to accelerate the process.

**Enche' V. Manickavasagam:** Certain aspects of the Workers' Housing Bill require further consideration and steps are being taken with a view to re-submitting the amended proposals to the National Joint Labour Advisory Council.

#### **Social Survey by ILO Expert team**

**16. Enche' S. P. S. Nathan** asks the Minister of Labour whether the Government has any plans to invite an ILO expert team to undertake a factual social survey to establish minimum living standards for Malaysian workers in view of current wave of agitation by workers for stable and, if possible, rising living standards.

**Enche' V. Manickavasagam:** Government has, from time to time, taken steps to invite experts from the United Nations Agencies, including the ILO, to advise on the various measures for bettering the living standards of the people in this country. Wherever practicable the recommendations of these experts have been implemented. It is not considered necessary to invite a team specifically for this purpose.

#### **Land acquisition and displaced workers**

**17. Enche' S. P. S. Nathan** asks the Minister of Labour, whether he is aware of the plight of over 2,000 plantation workers who are threatened with unemployment as a result of land acquisition around Batu Tiga, earmarked for the new State Capital.

**Enche' V. Manickavasagam:** I am aware that, as a result of land acquisition by the State Government around

Batu Tiga, the workers employed in that area will be affected.

**18. Enche' S. P. S. Nathan** asks the Minister of Labour whether he could inform this House what steps he had taken to ameliorate the plight of these workers and whether he can give an assurance that alternate employment will be given to those displaced and to provide compensation to the aged workers and other dependants of workers.

**Enche' V. Manickavasagam:** Every step including alternative employment would be taken to minimise the difficulties of the affected workers. I am in contact with the Selangor State Government which is also aware of the problem.

#### Functions of a Political Secretary

**19. Enche' S. P. S. Nathan** asks the Minister of Labour, to inform this House whether it is the legitimate function of a Political Secretary of a Minister to interfere in industrial disputes and wage negotiations.

**Enche' V. Manickavasagam:** No.

**20. Enche' S. P. S. Nathan** asks the Minister of Labour, were there any Government orders issued to officers of the Industrial Relations Department to take instructions from Political Secretaries.

**Enche' V. Manickavasagam:** No.

### MINISTRY OF TRANSPORT

#### Keningau Airport

**21. Dato' J. A. Angian Andulag** bertanya kepada Menteri Pengangkutan apa-kah langkah<sup>2</sup> yang akan di-ambil untuk meluaskan dan membuboh minyak tar pada lapangan kapal terbang di-Keningau supaya kapal<sup>2</sup> terbang besar dapat turun di-situ untuk membawa barang<sup>2</sup> keperluan yang akan di-hantar ka-Pensiangan dan Sepulot yang berhampiran dengan sempadan Indonesia, kerana lapangan udara tersebut tidak boleh di-gunakan dalam musim hujan dan dengan kerana itu langkah<sup>2</sup> serang balas tidak

dapat di-buat jika berlaku sa-suatu serangan dari pihak luar negeri, walau pun ranchangan<sup>2</sup> saperti ini tidak dimasukkan dalam Buku Merah Ranchangan Lima Tahun.

**Menteri Pengangkutan (Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir):** Belum ada ranchangan untuk meluaskan dan membuboh minyak tar pada lapangan kapal terbang di-Keningau, tetapi perkara ini ada dalam perhatian Kementerian ini daripada satu masa ka-satu masa.

### MINISTRY OF WORKS, POSTS AND TELECOMMUNICATIONS

#### Water Supply in Carey Island

**22. Enche' S. P. S. Nathan** asks the Minister of Works, Posts and Telecommunications whether he is aware that water supply to the inhabitants of Carey Island is derived from wells within the island and as such it is not satisfactory and inadequate, and if so, whether he would consider taking suitable measures to provide adequate supply of water and thereby ensure proper public health.

**The Minister of Works, Posts and Telecommunications (Dato' V. T. Sambanthan):** I am aware of the water situation on Carey Island but the whole of Carey Island is an oil palm estate and the supply of water to this estate is at present the responsibility of the management.

### PRIME MINISTER'S DEPARTMENT

#### Voluntary Confession of a PMIP Leader

**23. Enche' Andrew Jika Landau** asks the Prime Minister to state:

- (a) what Constitutional steps if any he proposes taking with regard to the voluntary confession of the Vice-President of the P.M.I.P. Malaya that his political organisation had received a considerable sum of money from the Jakarta regime to contest in the Malayan General Elections in 1964; and

(b) whether he would consider instituting an enquiry into the matter, so that if it is proved beyond reasonable doubt appropriate action can be taken against the M.Ps involved.

**The Prime Minister:** This matter is under consideration and appropriate action will be taken against the person in question when investigation, which

is being made now, has been completed. Confession itself is not conclusive proof of his guilt, and these confessions involve others as well. Therefore great care must be taken before the Government can decide on action to be taken against this and other persons.

The above also applies to (b) of the Honourable Member's question.